



**CAHAYA MATA SULUNG:** Encik Muhammad Asyraf dan isterinya Cik Nur Jannah bersyukur dapat menimang cahaya mata sulung mereka yang juga bayi Tahun Baru pertama yang dilahirkan di Hospital Universiti Nasional (NUH) semalam. – Foto NUH

## SINARAN TAHUN BARU

► **ERVINA MOHD JAMIL**  
ervinamj@sph.com.sg

SEDANG orang ramai menghitung masa menjelang Tahun Baru, Encik Muhammad Asyraf Arshad dan Cik Nur Jannah Zainal teruja dan berdegap-degup menantikan ketibaan cahaya mata pertama mereka.

Pasangan itu, yang kedua-duanya pekerja penjagaan kesihatan, menyambut bayi lelaki mereka sekitar 10 minit selepas 12 tengah malam.

Anak sulung Encik Muhammad Asyraf dan Cik Nur Jannah itu merupakan bayi Tahun Baru 2022 pertama yang dilahirkan di Hospital Universiti Nasional (NUH) semalam.

Bagi pasangan itu, yang kedua-duanya berusia 29 tahun, mereka tidak bimbang melalui kehamilan dan melahirkan anak semasa pandemik Covid-19 kerana Cik Nur Jannah telah mendapatkan kedua-dua dos vaksinasi Covid-19 dan suntikan penggalak.

“Kami rasa selamat dan pengalaman ini satu rahmat bagi kami,” ujar Cik Nur Jannah.

■ **3 bayi kongsi hari lahir sempena  
Tahun Baru 2022 – Muka 2**

## 3 anak kini kongsi hari lahir pada Tahun Baru



**SAMBUT  
MERIAH BAYI  
TAHUN BARU:**  
Encik  
Muhammad  
Hafiz dan Cik  
Anisah bersama  
anak keempat  
mereka, Aqil  
Al-Harith, yang  
lahir pada hari  
Tahun Baru di  
Hospital Raffles  
semalam. – Foto  
ihsan  
MUHAMMAD  
HAFIZ  
MOHAMED  
JOHARI

► **ERVINA MOHD JAMIL**  
ervinamj@sph.com.sg

PADA hari Tahun Baru semalam, Encik Muhammad Hafiz Mohamed Johari dan Cik Anisah Zainol bukan sahaja menyambut hari ulang tahun dua anak mereka malah turut menimang cahaya mata mereka yang keempat.

Pasangan itu kini mempunyai tiga anak yang lahir pada hari tahun baru – Qurratu Ain Al-Adawiyah pada 2015, Abu Hurairah pada 2018 dan Aqil Al-Harith pada 2022.

Aqil dilahirkan sekitar 6.45 pagi semalam dengan berat 2.95 kilogram.

Seorang lagi anak pasangan itu, Adam Hariz, dilahirkan pada 12 Disember 2015.

Menurut Encik Muhammad Hafiz, 34 tahun, keempat-empat anak mereka dilahirkan secara normal dan disambut pakar perbidanan dan sakit puan, Dr Jazlan Joosop, di Hospital Raffles.

Tambahnya, beliau dan isteri, kedua-duanya penjawat awam, sebenarnya menjangkakan bayi mereka akan lahir pada 12 Januari.

Namun, ketibaan lebih awal dari-

pada yang dijangkakan itu membuat ibu bapanya teruja.

“Dengan tiga anak saya sekarang mempunyai tarikh lahir yang sama, senang juga untuk saya ingat tarikh lahir mereka.

“Ini satu bonus yang manis,” ujar Encik Muhammad Hafiz, berseoroh.

Dengan ketidakpastian akibat pandemik Covid-19 sepanjang sekitar dua tahun lalu, beliau juga menganggap ketibaan Aqil sebagai sinar harapan buat keluarganya.

Meskipun dalam keadaan yang mencabar sekarang, Cik Anisah, 42 tahun, bersyukur akan rahmat ini dan ia lebih istimewa sempena Tahun Baru.

“Saya harap dengan bertambahnya anggota keluarga kami, tahun ini akan menjadi lebih meriah,” ujarnya.

Menyentuh tentang tanggungjawab tambahan memandangkan beliau kini bapa empat anak, Encik Muhammad Hafiz berkata:

“Saya bertekad ingin menjalankan amanah dan tanggungjawab ini dengan sebaik mungkin.”

Beliau juga rasa senang dengan pelbagai bantuan dan sokongan yang ditawarkan buat ibu bapa muda seperti dirinya.

Ini termasuk Geran Bantuan Bayi (BSG) sebanyak \$3,000 bagi bayi yang lahir dari 1 Oktober 2020 hingga 30 September 2022, yang bertujuan membantu pasangan membiayai kos membesarkan anak semasa tempoh luar biasa ini akibat pandemik Covid-19.

BSG, yang disediakan pemerintah sebagai tambahan kepada Hadiah Wang Tunai Bonus Bayi (BBCG), juga bertujuan memberi sokongan tambahan kepada ibu bapa yang merancang menimang lebih ramai cahaya mata, supaya mereka tidak menanggung rancangan itu di tengah-tengah keadaan ekonomi sekarang.

Bagi Encik Muhammad Hafiz, bantuan itu amat berguna dan tentu sekali dapat membantu beliau dan isteri.

Tambahnya, beliau juga merancang menghabiskan cuti paterniti selama dua minggu untuk membantu menguruskan bayinya dan meluangkan masa dengan tiga anaknya yang lain sementara isterinya berehat.

Bantuan dalam bentuk BSG itu turut disambut baik pasangan ibu bapa, Encik Muhammad Asyraf Arshad dan Cik Nur Jannah Zainal, yang menyambut zuriat pertama

mereka, yang juga bayi Tahun Baru pertama yang dilahirkan di Hospital Universiti Nasional (NUH) semalam.

Menurut Encik Muhammad Asyraf, keluarganya amat ghairah dan gembira kerana bayinya itu juga cucu pertama dalam keluarganya.

“Keluarga dan teman kami semua memberi banyak sokongan dan mereka faham tentang dasar pelawat ke hospital sekarang,” ujarnya.

Satu lagi pasangan yang menyambut bayi Tahun Baru semalam ialah Encik Syahir Mohd Reduan, 29 tahun dan Cik Norfatinah Djanamar, 26 tahun.

Anak sulung pasangan yang berkahwin Februari lalu itu, Daniya Iman, dilahirkan di Hospital Parkway East dengan berat 3.225 kilogram tepat 12 tengah malam.

“Kami rasa syukur, gembira dan bangga dan ini tidak mungkin dapat berlaku tanpa bantuan (dokter kami).”

“Kami percayakannya sepenuhnya untuk menyambut bayi kami dengan selamat, tidak kira bila tarikh lahirnya,” ujar pasangan itu sambil menambah, bayi mereka sepatutnya dijangka dilahirkan pada 27 Disember lalu.